



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL PLANNING  
KOD KURSUS : DPI3203  
PEPERIKSAAN : APRIL 2019  
MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
  - BAHAGIAN A (20 Markah)
  - BAHAGIAN B (60 Markah)
  - BAHAGIAN C (20 Markah)
  
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan
  - iii. Lampiran 1 - 3


---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.  
Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Senaraikan **lima (5)** kepentingan pengurusan risiko.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Huraikan **dua (2)** fungsi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

(5 markah)

**SOALAN 3**

Jelaskan **dua (2)** prinsip utama takaful.

(5 markah)

**SOALAN 4**

Jelaskan istilah yang berikut:

- i. Cukai pendapatan.
- ii. Harta sepencarian.

(5 markah)

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.  
Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Aina Syafina mempunyai emas dan perak sebagai sebahagian daripada aset yang dimilikinya. Maklumat berhubung dengan aset-aset ini direkodkan dalam Jadual 1:

	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>
Jumlah dimiliki sebagai simpanan	85 gram	700 gram
Jumlah dimiliki sebagai aksesori badan	950 gram	-
Harga pasaran semasa	RM 185 / gram	RM2.50 / gram
'Uruf	800 gram	-
Nisab	85 gram	595 gram

**Jadual 1**

- a. Kirakan jumlah zakat yang dikenakan ke atasnya. (4 markah)
- b. Takrifkan perkataan zakat literal dan teknikal. (3 markah)
- c. Jelaskan **dua (2)** kategori zakat. (4 markah)
- d. Terangkan **dua (2)** syarat harta bagi tujuan zakat. (5 markah)
- e. Berikan perbezaan antara zakat wang simpanan dan zakat saham. (4 markah)

## SOALAN 2

Perancangan kewangan merupakan satu pelan yang menggariskan usaha yang melibatkan disiplin tertentu untuk mengurus dengan baik sumber pendapatan, aset dan hutang supaya setiap perbelanjaan yang dibuat mendatangkan faedah yang optima.

## Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1,

- a. Huraikan **empat (4)** fasa kehidupan menurut perancangan kewangan Islam.  
(8 markah)
- b. Huraikan **enam (6)** proses yang terlibat di dalam perancangan kewangan.  
(12 markah)

## SOALAN 3

- a. Huraikan **dua (2)** kategori cukai berserta contoh.  
(4 markah)
- b. Senaraikan **lima (5)** strategi untuk meminimumkan cukai pendapatan.  
(5 markah)
- c. Nyatakan **lima (5)** jenis pendapatan yang boleh dikecualikan daripada cukai.  
(5 markah)
- d. Jelaskan **tiga (3)** objektif percukaian sesebuah negara.  
(6 markah)

## SOALAN 4

- a. Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar oleh Rahimi jika jumlah pendapatan sebanyak RM 80,000 dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 38,000.

(Andaikan kadar nisab sebanyak RM 8,000)

(4 markah)

- b. Bincangkan **tiga (3)** kepentingan zakat dan sedekah di dalam perancangan kewangan.

(6 markah)

- c. Senaraikan **empat (4)** faktor yang perlu diambil kira oleh pelabur sebelum melabur dalam sebarang bentuk pelaburan.

(4 markah)

- d. Huraikan **tiga (3)** objektif pelaburan.

(6 markah)

[60 MARKAH]



**BAHAGIAN C**

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

- a. Encik Aiman Syakir mengeluarkan gaji sebanyak RM 4,500 sebulan. Selain daripada gaji, dia juga menerima bonus dan elaun berjumlah RM 15,500 setahun. Potongan diri sendiri dan isteri yang dibenarkan adalah masing-masing berjumlah RM 9,000 dan RM 3,000. Encik Aiman Syakir mempunyai empat (4) orang anak (dengan RM 1,000 pelepasan cukai bagi setiap seorang) dan caruman bulanan yang dibuat kepada ibu bapa sebanyak RM 250. Simpanan dan potongan lain adalah seperti Jadual 2:

Aktiviti	Jumlah (RM)
Potongan kepada KWSP	200
Sumbangan kepada Lembaga Tabung Haji	100
Sumbangan kepada koperasi	80

Jadual 2

Kirakan jumlah zakat yang perlu dibayar atas pendapatan Encik Aiman Syakir jika nisab ialah RM 8,000

(Tunjukkan semua jalan pengiraan)

(8 markah)

- b. Sarip Dollah memulakan kerjayanya sebagai Pengurus Jualan di Chanteq Jelita Berhad sejak 1 Julai 2012. Pada 31 Disember 2018, Sarip Dollah meletak jawatan disebabkan masalah kesihatan. Dia berumur 50 tahun sewaktu diberhentikan. Chanteq Jelita Berhad membayar gratuiti bernilai RM100,000 pada tahun asas 2018.

Berikut adalah maklumat tentang penggajian dan faedah yang diterima daripada syarikat dalam tahun asas 2018:

Gaji kasar bulanan RM5,000.

Bonus bersamaan 3 bulan gaji.

Elaun keraian sebanyak RM500 sebulan.

Maklumat tambahan:

Shezy membelanjakan sebanyak RM8,000 untuk kos perubatan ayahnya yang menghidap penyakit kanser usus. Beliau turut membelanjakan RM3,000 untuk membeli buku, majalah dan jurnal.

Kirakan cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Shezy bagi tahun taksiran 2018.

(12 markah)

[20 MARKAH]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



## LAMPIRAN 1

## Kadar Cukai Pendapatan

Tahun Taksiran 2016

Banjaran Pendapatan Bercukai	Pengiraan (RM)	Kadar %	Cukai(RM)
0 - 5,000	5,000 berikutnya	0	0
5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	5	150 750
35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	10	900 1,500
50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	16	2,400 3,200
70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	21	5,600 6,300
100,001 - 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24	11,900 36,000
250,001 - 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	47,900 36,750
400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	25	84,650 50,000
600,001 - 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	26	134,650 104,000
Lebih 1,000,000	1,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	28	238,650 .....

## LAMPIRAN 2

Manfaat Kereta (*Motorcar Benefit*)

<i>Cost of Car When New</i> [Kos Kereta Baru] (RM)	<i>Annual Value of Benefit</i> [Manfaat Setahun](RM)	<i>Fuel per Annum</i> [Minyak Setahun] (RM)
<i>Up to [Sehingga] 50,000</i>	1,200	600
50,001 – 75,000	2,400	900
75,001 – 100,000	3,600	1,200
100,001 – 150,000	5,000	1,500
150,001 – 200,000	7,000	1,800
200,001 – 250,000	9,000	2,100
250,001 – 350,000	15,000	2,400
350,001 – 500,000	21,250	2,700
500,001 <i>and above [dan keatas]</i>	25,000	3,000

## LAMPIRAN 3

Manfaat Perabut (*Furniture Benefit*)

<i>Category</i> [Kategori]	<i>Types of Benefit</i> [Jenis Faedah]	<i>Annual Value of Benefit</i> [Manfaat Setahun](RM)
i.	<i>Semi-furnished with basic furniture.</i> [Berperabut-semi dengan perabut asas.]	840
ii.	<i>Semi-furnished with furniture in (i) plus one or more of the following: air-conditioner, curtains and carpet.</i> [Sebahagian berperabut dengan perabut (i) termasuk satu atau lebih yang berikut: pendingin hawa, langsir dan permaidani.]	1,680
iii.	<i>Fully-furnished</i> [Berperabut lengkap]	3,360

0

0